

PM: Asas lebih kukuh bagi negara kini diusahakan

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan sedang berusaha meletakkan asas-asas yang lebih kukuh bagi pembangunan negara yang seimbang, makmur, maju dan bermartuah.

Antara usaha itu, tegas Perdana Menteri, termasuk Dasar Pandang ke Timur dan konsep Persyarikatan Malaysia yang dilaksanakan untuk meningkatkan kemampuan negara bagi kemajuan yang lebih pesat, di samping menggalakan persefahaman dan tenaga serta memujuk daya pengeluaran yang lebih tinggi di semua sektor.

"Usaha juga sedang dilakukan bagi memperkukuhkan lagi jentera Kerajaan supaya kerja pembangunan negara dapat dilaksanakan

dengan lebih teratur dan berkesan sehingga dapat memberi faedah dan manfaat kepada rakyat dan negara," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyambangkan tahniah dan ikrar taat setia Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Perutusan Agong di istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran dan Bintang-bintang Kehormatan di Istana Negara, hari ini.

Istiadat sempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda itu diartikan secara langsung oleh RTM.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia amat bertuah kerana mempunyai pelbagai sumber kokayaan.

"Usaha-usaha Kerajaan dengan sokongan dan penyertaan rakyat telah dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju di kalangan negara-negara membangun," jelasnya. Beliau yakin di bawah naungan dan pimpinan Yang di-Perutusan Agong, negara Malaysia akan terus aman, sejahtera dan makmur.

"Fratt sekellan yakin bahawa dengan TuanKu memimpin patek seke-llan, taraf kehidupan dan perpaduan serta ketahanan rakyat akan semakin meningkat", katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau bersama-sama Menteri-menteri, Timbalan Timbalan Menteri dan para pegawai serta kakitangan kerajaan akan terus berusaha menyempurnakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh semangat bagi kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan negara, katanya lagi.

Beliau berkata, Malaysia seperti lain-lain negara membangun perlu bekerjasama dengan negara-negara maju untuk membantu dan membimbing negara-negara yang kurang maju.

Kemampuan

Katanya: "Demil kepentingan kita dan masyarakat dunia amnya, kita harus berusaha dengan lebih giat untuk berdikari dan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan kemampuan dan daya pengeluaran kita."

"Dengan cara ini sahaja, kita dapat menjaga kepentingan kita dan membuat sumbangan untuk kemakmuran dan kemajuan dunia", tambahnya lagi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga akan terus berusaha melalui hubungannya luas dan penyertaan dalam forum-foram antarabangsa untuk mencari jalan bagi mententeramkan suasana politik dan ekonomi antarabangsa serta mewujudkan asas hubungan antarabangsa yang lebih adil dan bermakna.



■ Tengku Ariff Bendahara Pahang menerima Darjah PSM dari Yang di-Perutusan Agong.



■ Datuk Sheikh Mohsein menerima Darjah Panglima Setia Mahkota dari Seri Paduka.



■ Datuk Seri Hamzah Abu Samah menerima Darjah Panglima Mangu Negara (PMN).

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



■ Seri Paduka mengalungkan Darjah PMN kepada Tan Sri Haji Mohamed Salleh Abas.